

# Peranan kecerdasan holistik dalam memperkasa potensi pelajar

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG & MOHD NASIR RAYUNG

UB 15.3.2017 B4

**SEJARAH** perkembangan awal teori kecerdasan manusia bermula pada akhir abad ke-19 masih. Teori awal ini telah menjadi asas kepada percambahan ilmu berkaitan kecerdasan manusia. Pada awalnya teori kecerdasan hanya menumpukan kepada keupayaan intelek manusia dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Kebanyakan ahli psikologi mengaitkan kecerdasan dengan kemampuan minda dan daya berfikir. Namun teori ini hanya terhad kepada fungsi operasi intelek dan tidak mampu menjangkau domain efektif manusia dan psikomotor manusia.

Akibat daripada kekangan ini, para sarjana telah mengemukakan pelbagai teori berkaitan kecerdasan manusia. Antara teori yang terkenal adalah General Intelligence Theory (Spearman), Multiple Intelligence Theory (Gardner), Triarchic Theory of Intelligence (Sternberg), Emotional Intelligence Theory (Goleman), Spiritual Intelligence Theory (Zohar & Marshall), Emotional Quotient Spiritual (Ary Agustine) dan banyak lagi teori berkaitan kecerdasan manusia. Kesemua teori ini membicarkan aspek kecerdasan manusia pada tahap yang berbeza.

Dari sudut yang lain, kecerdasan holistik sebenarnya bertunjangkan empat asas iaitu kecerdasan intelek, fizikal, emosi dan rohani seperti yang dianjurkan oleh beberapa sarjana. Mereka melihat kepentingan untuk menguasai keempat-empat kecerdasan ini secara holistik dalam mengembangkan potensi manusia secara menyeluruh. Menurut pandangan Islam, keempat-empat asas kecerdasan ini telah dikembangkan oleh Imam Al-Ghazali (1058-1111) lebih awal daripada sarjana barat. Al-Ghazali

menggunakan istilah Al-Ruh (semangat), Al-Qalb (hati), Al-Nafs (jiwa), Al-Aql (akal) untuk menggambarkan asas kecerdasan manusia. Huriahan asas kecerdasan ini dibuat berdasarkan sumber Al-Quran dan Hadis seperti mana yang pernah dibentangkan dalam kajian beberapa orang sarjana yang lepas. Hal ini menunjukkan bahawa kecerdasan holistik merupakan asas kepada perkembangan potensi manusia secara menyeluruh.

Di Malaysia, konsep kecerdasan holistik merupakan matlamat utama pendidikan seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek secara langsung merujuk kepada penguasaan kecerdasan holistik dalam kalangan pelajar. Secara dasarnya, penguasaan ini diharapkan dapat membentuk generasi yang berilmu, mempunyai ketahanan jasmani, kestabilan emosi dan pegangan agama yang kuat. Justeru, pemahaman konsep kecerdasan holistik perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar agar potensi mereka dapat dikembangkan secara maksimum.

Ketidakseimbangan kecerdasan holistik akan mewujudkan kepingangan dalam diri pelajar. Secara tidak langsung ketidakseimbangan ini mewujudkan konflik dalam yang memberi kesan kepada pengembangan potensi pelajar. Dari segi teori kecerdasan holistik merujuk kepada kombinasi berstruktur yang ada dalam diri setiap pelajar merangkumi empat komponen kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani.

Konsep kecerdasan intelek (IQ) melibatkan keupayaan minda pelajar untuk menganalisis, membuat pertimbangan, berfikir secara abstrak, penggunaan bahasa dan visual untuk memahami dan menterjemah sesuatu. Ketinggian IQ akan membentuk pelajar yang berpengetahuan,

berkemahiran, bermatlamat dan mampu menggunakan persekitaran dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Manakala konsep Kecerdasan fizikal (PQ) merujuk kepada interaksi antara tingkah laku dan kebiasaan yang membentuk keupayaan fizikal pelajar.

Terdapat kekeliruan masyarakat terhadap konsep kecerdasan dan kecergasan fizikal. Harus difahami bahawa PQ merupakan keupayaan untuk membentuk kebiasaan dari segi pemakanan, senaman dan pengurusan stres untuk membentuk kecergasan fizikal dan kesihatan seseorang. Justeru PQ harus dilihat sebagai cara untuk mencapai tahap kesihatan dan kecergasan fizikal.

Konsep kecerdasan emosi (EQ) pula merujuk kepada pembangunan keperibadian pelajar dalam membentuk keupayaan untuk berhubung dengan orang lain dalam persekitarannya. EQ yang tinggi akan membentuk perhubungan lebih matang dengan masyarakat. Hal ini menuntut kemahiran sosial yang mendukung kejayaan dalam diri setiap pelajar agar potensi mereka dapat dikembangkan secara maksimum.

Sementara itu konsep kecerdasan rohani (SQ) berkait rapat dengan kepercayaan ketuhanan melibatkan hubungan antara orientasi afektif masyarakat untuk mencipta makna melalui idea-idea, peristiwa dan orang lain. Konsep ini lebih tertumpu kepada pembentukan makna dan nilai kehidupan manusia selaras dengan kefahaman, etika, integriti dan peraturan hidup. Dalam konteks ini, SQ boleh dilihat dari sudut hubungan dalam individu, hubungan antara manusia dan alam serta hubungan dengan tuhan. Secara tidak langsung SQ akan menjadi pengawal tingkah laku yang paling berkesan dalam diri seseorang.

Dalam konteks pendidikan, pelajar perlu dibimbing untuk memahami dan menguasai keempat-empat kecerdasan tersebut secara holistik.

Penguasaan kecerdasan holistik dalam kalangan pelajar mampu membentuk generasi berilmu pengetahuan, cekap dalam tindakan, memiliki keseimbangan emosi dan insaniah serta pendirian dan kepercayaan yang teguh. Selaras dengan keperluan itu, konsep kecerdasan holistik telah diterjemahkan dalam Pelan Induk Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Matlamat utama PPPM adalah untuk melengkapkan setiap pelajar dengan pelbagai kemahiran baharu yang diperlukan mereka bagi mendepani cabaran hidup dan merebut peluang di abad 21. Merujuk kepada PPPM setiap pelajar diharap dapat menguasai enam elemen pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional yang dinamakan sebagai 'Enam Aspirasi Murid'. Enam elemen ini diharap dapat melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kehidupan dan kerjaya, kemahiran belajar dan inovasi, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta kemahiran menguasai subjek teras di sekolah.

Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengubah format peperiksaan awam dengan memasukkan unsur Kemahiran Berfikir Aras tinggi (KBAT) dalam soalan peperiksaan.

Langkah ini diharap dapat melahirkan pelajar yang mampu menggunakan keupayaan berfikir secara kreatif, inovatif, kritis dan penaakulan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, proses perkembangan pengetahuan pelajar juga dapat ditingkatkan. Secara tidak langsung tahap kecerdasan intelek pelajar akan dapat ditingkatkan kerana keupayaan pelajar untuk berfikir dapat dilatih.

Tidak dapat dinafikan

penguasaan kemahiran berfikir merupakan asas dan penentu pencapaian pelajar. Hal ini kerana keupayaan berfikir memberi impak kepada pengetahuan, tingkah laku dan emosi pelajar dalam menghadapi pelbagai situasi. Justeru adalah penting untuk menyemai kemahiran berfikir kepada pelajar dalam usaha melahirkan generasi berilmu.

Di samping itu KPM juga telah memperkenalkan pendekatan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang turut menyumbang kepada perkembangan kecerdasan holistik dalam kalangan pelajar. PBS dilaksanakan untuk melatih pelajar mencapai potensi tertentu yang dinilai secara sumatif oleh guru. Perkembangan pelajar dinilai berdasarkan tindak balas terhadap rangsangan yang diberikan oleh guru secara terus.

Di sekolah guru merupakan agen penilai yang paling berkesan untuk mengukur pencapaian sebenar pelajar dalam aspek bukan akademik seperti perkembangan sahsiah, emosi dan fizikal. Ini kerana guru terlibat secara langsung dalam proses mengembangkan penguasaan kecerdasan pelajar yang tidak dapat diukur oleh pencapaian akademik semata-mata. Interaksi antara guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan membantu pelajar memahami konsep kecerdasan holistik tanpa melibatkan pencapaian akademik. Langkah ini seterusnya akan menyumbang kepada perkembangan potensi pelajar secara maksimum sekiranya dilaksanakan dengan telus.

Penguasaan kecerdasan holistik juga penting kepada pelajar bagi menyediakan mereka untuk berhadapan dengan cabaran hidup masa depan. Setiap pelajar yang ada di sekolah hari ini adalah aset yang akan mencorakkan masa hadapan negara. Ketidakseimbangan perkembangan kecerdasan dalam diri pelajar akan

mengundang pelbagai isu kemasyarakatan. Dari sudut sosial, masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan belia berlaku disebabkan kurangnya elemen kecerdasan emosi dan rohani dalam diri.

Di samping itu masalah obesiti dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat juga menunjukkan ketidakseimbangan dalam penguasaan kecerdasan holistik. Seharusnya pelajar yang didehdakan dengan konsep kecerdasan fizikal mempunyai pengetahuan tentang kebiasaan yang membentuk keupayaan fizikal. Keadaan ini mengundang kegusaran kepada masyarakat khususnya ibu bapa. Walhal setiap individu pelajar yang dilahirkan dari sistem pendidikan hari ini seharusnya memiliki keseimbangan dalam tahap kecerdasan secara holistik. Justeru, penekanan kepada penguasaan kecerdasan secara holistik dalam kalangan pelajar perlu ditekankan agar pengetahuan yang diperoleh dapat digunakan secara berhemah dan memberi keuntungan kepada semua pihak.

Kesimpulan kepada perbincangan ini, merumuskan bahawa penguasaan kecerdasan secara holistik dalam kalangan pelajar sangat perlu untuk menangani pelbagai isu kronik yang timbul dalam masyarakat mutakhir ini. Di samping itu juga penguasaan yang tinggi dalam kecerdasan holistik dapat membantu pelajar mengembangkan potensi mereka yang tidak terbatas.

Adalah diharapkan pelajar yang lahir dari sistem pendidikan kita hari ini mampu menunjukkan potensi terbaik dalam semua bidang yang diceburi. Secara tidak langsung matlamat pembangunan negara yang diharapkan dapat dicapai seiring dengan tuntutan semasa masyarakat dan negara.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah